

21 AUG 2001

MAHATHIR-SATELIT

MALAYSIA JEMPUT NEGARA-NEGARA AFRIKA SERTA A-M SAT

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 21 Ogos (Bernama) -- Malaysia telah menjemput negara-negara Afrika untuk turut serta atau berkongsi dalam satu usahasama satelit yang dipanggil Afrika-Mea Sat (A-M Sat) yang akan dilancarkan pada 2004 yang menelan belanja AS\$200 juta.

Jemputan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 yang diadakan di ibu negara Uganda di sini hari ini.

A-M Sat akan meliputi Afrika dan Eropah.

Satelit itu direkabentuk untuk saling menghubungi rangkaian satelit Measat menerusi satelit Measat-3 yang akan dilancarkan pada awal 2004.

Measat-3 akan meliputi Afrika, Timur Tengah, Eropah Timur, Asia dan Australia. Ia dimiliki dan dikendalikan oleh Binariang Satellite System Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata Binariang telah menubuhkan sebuah konsortium dengan Astronautic Technology Sdn Bhd, sebuah agensi kerajaan Malaysia yang ditubuhkan untuk memajukan keupayaan nasional dalam teknologi-teknologi satelit, untuk melancarkan Measat-3 di slot orbit Malaysia pada 5.7 darjah timur langitud.

Konsortium itu akan dikembangkan bagi memasukkan kepentingan institusi dan sektor swasta Afrika dan kepentingan Malaysia dengan operasi-operasi di Afrika, katanya.

"Pengalaman kami di Malaysia telah meneguhkan kepentingan dalam memiliki dan mengendalikan prasarana penyiaran dan telekomunikasi kami sendiri bagi memastikan penguasaan masa depan kami dan memastikan pengisian yang disebar sejajar dengan nilai-nilai kami sendiri," katanya.

A-M Sat akan menggunakan transponder 24 C-Band dan 12 KU-Band yang setiap satunya membekalkan jalur lebar 36 mhz dalam hayat operasinya selama 15 tahun.

Satelit itu akan membekalkan siaran premium dan internet serta perkhidmatan telefoni di seluruh Afrika dan Aropah.

Dr Mahathir berkata ia akan membawa Afrika lebih rapat dengan Asia Tenggara menerusi komunikasi-komunikasi seperti ini.

Memandangkan perbelanjaannya yang tinggi, adalah baik sekiranya negara-negara Afrika berkongsi kos, katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa Dialog Perkongsian Pintar tahun depan akan diadakan di Langkawi pada tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas dialog ini -- BERNAMA

MR HS SD JR